

Lagi bekas pegawai tentera sertai PAS
Malaysian Insider
April 25, 2013
Oleh Syed Jaymal Zahiid

KUALA LUMPUR, 25 April — Seorang bekas pegawai tertinggi tentera yang kemudiannya berkhidmat dengan Universiti Pertahanan Nasional (UPNM) Datuk Ismail Saimon menyertai PAS, langkah parti Islam itu untuk meningkat sokongan daripada kumpulan keselamatan.

Jumlah pasukan beruniform amat penting bagi Pajatan Rakyat (PR) untuk berkuasa di peringkat Pusat dan pakatan itu juga sedang merekrut lebih ramai pesara tentera dan polis untuk menidakkan kemenangan Barisan Nasional.

"Melihat kepada situasi politik sekarang, ada keperluan untuk berubah dan ia mesti datang daripada diri sendiri, keluarga dan rakan.

"Saya tidak pernah aktif berpolitik..," kata Said Ismail, yang merupakan pesara Leftenan Jeneral dan merupakan bekas Naib Canselor UPNM di Ibu Pejabat PAS di sini.

Ismail berkata keputusannya itu adalah untuk membantu PR memujuk lebih ramai pengundi tentera menolak kerakaan yang gagal menjaga kebajikan anggota tentera.

Kebanyakan pesara tentera yang bersama PR mendakwa anggota berpabgkat rendah hidup dalam keadaan "dhaif", dan berjuang dengan gaji yang sedikit dan kehidupan yang miskin.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/lagi-bekas-pegawai-tentera-sertai-pas/>